

30/08/1998

PM terima peletakan jawatan

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata kerajaan menerima peletakan jawatan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ahmad Mohd Don dan timbalannya, Datuk Fong Weng Phak.

Perdana Menteri juga berkata, beliau tidak terkejut dengan peletakan jawatan Ahmad dan tidak akan berusaha untuk memujuknya supaya kembali.

"Mereka mahu berhenti, menurut akhbar ia disebabkan oleh perselisihan faham (mengenai dasar kewangan), jadi saya fikir saya menerimanya.

"Memang, kami ada beberapa perbezaan... kerajaan tidak pernah bersetuju kepada idea yang kita harus menaikkan kadar faedah dan mengurangkan kredit kerana ini akan menyebabkan penguncupan," katanya pada sidang akhbar selepas menutup Seminar Perkhidmatan dan Produk Kewangan Islam di Institut Kefahaman Islam (IKIM) di sini.

"Kita lihat dalam suku kedua tahun ini Keluaran Dalam Negara Kasar menguncup lebih teruk daripada jangkauan," katanya.

Ditanya apakah beliau terkejut dengan peletakan jawatan itu, Perdana Menteri berkata:

"Tidak. Sebenarnya beliau (Ahmad) tentunya tahu kita tidak meluluskan dasar yang dicadangkannya, tetapi beliau memilih untuk tidak meletak jawatan sebelum ini.

Menurut Perdana Menteri, Ahmad meletakkan jawatan sekarang kerana beliau tentu mempunyai sebab-sebab sendiri dan kerajaan tidak akan berusaha memujuknya.

Kelmarin Ahmad dan Fong meletakkan jawatan, berkuatkuasa 1 September ini.

Kementerian Kewangan yang mengesahkan peletakkan jawatan itu dalam satu kenyataan ringkas, turut mengumumkan Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz sebagai Pemangku Gabenor Bank Negara, berkuat kuasa dari tarikh yang sama.

Mengenai sama ada Dr Zeti akan dilantik sebagai Gabenor, Dr Mahathir berkata, belum tahu lagi kerana beliau dilantik untuk tujuan perundangan.

Perdana Menteri juga menafikan khabar angin yang mengatakan beliau akan memanggil satu mesyuarat tergepar Kabinet.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, sudah tentu anggota Kabinet harus dapat dihubungi pada setiap masa, sekiranya ada perkara penting yang hendak dibincangkan.

(END)